

USIM jaguh tarik tali IPTA

PASUKAN Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mencipta sejarah apabila juara acara tarik tali pada temasya Sukan Staf Antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Ke-34 kelmarin.

Lebih manis, kejayaan ini dicapai selepas menundukkan juara bertahan di 2008, 2007 dan 2006 dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

USIM yang mula menyertai acara ini sejak empat edisi yang lalu hanya diletakkan sebagai pasukan bukan pilihan berbanding saingan utama seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) mahupun UIAM.

USIM mula menunjukkan kehebatan apabila mengungguli Kumpulan B apabila menewaskan UKM dengan 2-1 serta menundukkan pasukan dari Universiti Darul Iman (UDM) 2-0.

Pada peringkat suku akhir, mereka mengecewakan naib juara Kumpulan C, Universiti Sains Malaysia (USM) sebelum menewaskan pasukan dari Universiti Malaya (UM) masing-masing dengan kemenangan 2-0.

Manakala UIAM yang mengungguli Kumpulan A berjaya menewaskan naib juara Kumpulan D, UPM di peringkat suku akhir sebelum menundukkan naib juara tahun lalu dengan 2-0.